

## **BAB KELIMA**

### **PERBINCANGAN RUMUSAN**

#### **5.1 PENDAHULUAN**

Dalam bab ini penyelidik mengemukakan rumusan tentang hasil-hasil penyelidikan yang penyelidik dapati daripada penyelidikan ini. Penyelidik juga membuat perakuan tentang penyelidikan ini dan saranan untuk meningkatkan kualiti kawalan salah laku pelajar di dua buah sekolah agama yang diselidiki.

#### **5.2 RUMUSAN**

Data-data yang penyelidik dapati dalam bab keempat bagi setiap jenis tingkah laku menunjukkan bahawa kedua-dua buah sekolah yang diselidiki adalah bebas daripada tingkah laku jenayah dan tingkah laku lucah tetapi tidak pada tujuh tingkah laku yang lain.

Penyelidik dapati empat masalah tingkah laku yang lebih banyak berlaku di SMU(A) berbanding di SMK(A) iaitu tingkah laku tidak sopan (3.9%), tingkah laku tidak jujur (3.3%), tingkah laku tidak pentingkan masa (10.0%) dan tingkah laku kekemasan diri (23.4%). Penyelidik juga dapati tiga masalah tingkah laku yang lebih banyak berlaku di SMK(A) berbanding di SMU(A) iaitu tingkah laku musnah (2.0%), tingkah laku ponteng (28.3%) dan tingkah laku cuai terhadap pelajaran (1.6%).

Faktor-faktor salah laku yang penyelidik dapati di kedua-dua buah sekolah yang diselidiki ini adalah banyak berpunca dari sekolah. Faktor-faktor di luar sekolah adalah

kurang mempengaruhi pelajar di SMU(A) dan pelajar di SMK(A) dalam kes-kes pelanggaran peraturan sekolah.

Penyelidik telak menyemak strategi-strategi kawalan salah laku di SMU(A) dan di SMK(A) sama ada kedua-dua buah sekolah ini menggunakan atau tidak menggunakan strategi-strategi kawalan salah laku yang dinyatakan dalam bab kedua penyelidikan ini atau kedua-dua buah sekolah menengah ini mengamalkan strategi yang berlainan daripada strategi yang dinyatakan ini.

Data-data yang penyelidik perolehi menunjukkan bahawa SMU(A) telah menggunakan empat strategi kawalan salah laku yang dinyatakan dalam bab kedua penyelidikan ini iaitu melantik pengawas di kalangan pelajar, mengenakan hukuman dera, membuat perjanjian tidak akan menimbulkan konflik di antara pelajar dengan sekolah dan penerapan peraturan-peraturan sekolah kepada pelajar melalui buku garis panduan. Manakala di SMK(A), penyelidik dapati pihak sekolah menggunakan tiga strategi kawalan salah laku yang dinyatakan dalam bab kedua penyelidikan ini iaitu melantik pengawas di kalangan pelajar, menggunakan hukuman dera dan penerapan peraturan-peraturan sekolah kepada pelajar melalui buku garis panduan.

Tentang penggunaan strategi-strategi lain yang tidak dinyatakan dalam bab kedua penyelidikan ini penyelidik dapati bahawa pihak SMU(A) telah menggunakan dua strategi lain iaitu mengadakan khemah ibadat/*qiamullail* dan menghantar pelajar mengikuti kursus bimbingan akademik. Manakala di SMK(A), penyelidik dapati pihak sekolah menggunakan hanya satu strategi lain iaitu mengadakan kem ibadat/*qiamullail* di sekolah.

Daripada segi keberkesanan strategi kawalan salah laku yang digunakan di SMU(A) dan di SMK(A) pula, penyelidik dapati ianya kurang berkesan kerana setiap hari pelajar di kedua-dua buah sekolah yang diselidiki ini menimbulkan salah laku seperti datang lewat ke sekolah, tidak memakai lencana, bising di dalam kelas, berkeliaran di koridor, berambut panjang, membuang sampah di merata-rata tempat, ponteng kelas dan tidak hadir ke sekolah.

Tingkah laku guru di kedua-dua buah sekolah yang diselidiki ini mempunyai kaitan dengan kurangnya keberkesanan strategi-strategi kawalan salah laku di kedua-dua buah sekolah ini. Penyelidik dapati guru di kedua-dua buah sekolah ini sendiri tidak mematuhi peraturan sekolah seperti datang lewat ke sekolah, lewat memasuki kelas dan bercakap sesama guru lain semasa perhimpunan mingguan.

### 5.3 PERAKUAN

1. Data-data yang penyelidik perolehi dalam penyelidikan ini hanyalah tepat dalam dua buah sekolah yang diselidiki ini dan mungkin tidak tepat dengan sekolah-sekolah lain.
2. Penyelidikan ini difokuskan kepada jenis-jenis salah laku pelajar, faktor-faktor yang menyumbang kepada salah laku pelajar dan strategi-strategi kawalan salah laku pelajar di dua buah sekolah menengah agama di Kota Bharu, Kelantan iaitu Sekolah Menengah Ugama (Arab) Taqaddum Ma'arif, Pasir Tumbuh, Kota Bharu, Kelantan dan Sekolah Menengah Kebangsaan (Agama) Melor, Padang Raja, Kota Bharu, Kelantan.

Adalah diharapkan penyelidikan ini diperkembangkan oleh ahli-ahli sosiologi pada masa akan datang sama ada melibatkan semua pelajar, semua guru dan semua

kakitangan pada semua sekolah beraliran agama di Malaysia supaya semua masalah di sekolah agama dapat dikurangkan.

3. Penyelidikan ini hendaklah diperluaskan kepada aspek-aspek pendidikan yang lain seperti pengurusan dan pentadbiran sekolah, perkembangan kurikulum, perkhidmatan kaunseling, hubungan sosial dalam sekolah dan sebagainya.

#### 5.4 SARANAN

Penyelidik memberikan beberapa cadangan untuk meningkatkan kualiti kawalan salah laku pelajar di dua buah sekolah agama yang diselidiki. Cadangan-cadangan itu adalah seperti berikut :-

1. Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan dan Yayasan Islam Kelantan hendaklah sentiasa berusaha memperbaiki mutu perkhidmatan guru dan infrastruktur sekolah seperti menawarkan tangga gaji yang lebih manasabah kepada semua guru, memberikan berbagai kemudahan kepada semua guru dan kakitangan sekolah beraliran agama. Melalui peningkatan ini diharapkan motivasi guru meningkat untuk meningkatkan kawalan salah laku pelajar di sekolah.
2. Guru-guru di kedua-dua buah sekolah yang diselidiki ini hendaklah sentiasa diberikan peluang berkursus untuk meningkatkan lagi pengetahuan dan kemahiran dalam perkhidmatan mereka. Hasil daripada peluang berkursus ini diharapkan guru-guru ini dapat memberikan perkhidmatan yang lebih berkesan dan akan mengurangkan masalah salah laku di sekolah.

3. Pihak sekolah yang diselidiki ini hendaklah berusaha meningkatkan hubungan dengan ibu bapa untuk meningkatkan tahap kebajikan pelajar di kedua-dua sekolah yang diselidiki ini
4. Guru hendaklah memahami kehendak-kehendak pelajar dalam kehidupan mereka pada tahap usia remaja. Pada tahap usia ini mereka bertindak balas kepada pertumbuhan diri mereka dan kemungkinan tindak balas mereka ini tidak disenangi oleh guru yang berada dalam kategori golongan dewasa.
5. Guru-guru sewajarnya mengkaji semula kelakuan, sikap, nilai dan amalan mereka serta memperbaiki segala kelemahan yang ada dengan merujuk semula kepada etika perguruan dan peraturan sekolah masing-masing. Tingkah laku guru yang baik adalah pendorong kepada pelajar untuk mencontohnya.
6. Guru-guru patutlah berusaha memperbaiki lagi corak hubungan mereka dengan pelajar dan ibu bapa. Melalui hubungan yang baik ini, banyak masalah yang dihadapi oleh pelajar daripada segi akademik, mental, emosi dan sosial akan dapat dikesan untuk memudahkan tindakan mengatasinya.
7. Pengetua dan guru-guru hendaklah mengkaji, menilai dan memperbaiki segala aspek prestasi sekolah. Penyusunan semula organisasi sekolah adalah suatu cara untuk mengurangkan kelemahan yang berpunca daripada sekolah yang menjadi faktor kemerosotan kepatuhan pelajar kepada peraturan sekolah.
8. Semua guru hendaklah bertanggungjawab untuk menjadikan sekolah tempat yang aman dan selesa dengan menanamkan dan mengamalkan nilai-nilai yang murni serta mengambil tindakan pencegahan ke atas perkara-perkara yang .

- dikira salah dan melanggar nilai-nilai murni terutama perkara-perkara yang melanggar peraturan sekolah. Tanggungjawab ini adalah tanggungjawab semua guru dan tidak hanya menjadi tanggungjawab guru-guru disiplin.
9. Masalah salah laku pelajar tidak sepatutnya dipersalahkan ke atas pelajar semata-mata dan tidak hanya memperbaiki perkara-perkara yang berkaitan dengan aspek pelajar tetapi juga semua pihak yang terlibat dengan pelajar seperti ibu bapa, guru, masyarakat, pentadbir, Jabatan Pendidikan Negeri, Kementerian Pendidikan Malaysia dan kerajaan sendiri. Semua pihak ini memberi sumbangan ke arah merosakkan atau memulihkan kepatuhan pelajar kepada peraturan sekolah.
  10. Pihak sekolah hendaklah mencuba strategi kawalan salah laku yang baru seperti melibatkan pelajar merangka peraturan sekolah. Pelajar mudah mematuhi peraturan sekolah dan menghormatinya kerana mereka sendiri merangka peraturan itu untuk kebaikan mereka sendiri.
  11. Pihak sekolah hendaklah membuat penyelidikan terperinci ke atas sebab-sebab mengapakah timbulnya sesuatu reaksi pelajar yang menyalahi peraturan sekolah ? Hasil penyelidikan ini memberikan jawapan kepada pihak sekolah sebab-sebab timbulnya reaksi pelajar yang menyalahi peraturan sekolah dan membantu pihak sekolah merancang strategi kawalan salah laku yang berkesan ke atas pelajar mereka.
  12. Guru-guru hendaklah mewujudkan proses pengajaran pembelajaran yang berkesan untuk membina tingkah laku pelajar yang lebih baik semasa proses pengajaran pembelajaran berlaku.

13. Pihak sekolah membuat perjanjian di antara guru dengan pelajar untuk tidak menimbulkan konflik di sekolah. Perjanjian ini hendaklah dibuat oleh kedua-dua belah pihak, iaitu guru dan pelajar agar perjanjian ini adil dan semua pihak berpuas hati terutama daripada pihak pelajar.
14. Pihak sekolah perlu melibatkan ibu bapa dalam aktiviti sekolah terutama dalam strategi kawalan salah laku pelajar. Penglibatan ibu bapa ini menghindarkan salah faham mereka terhadap sekolah. Pelajar pula akan mendapati segala kegiatan dan tingkah laku mereka diawasi daripada dua penjuru iaitu sekolah dan rumah.